

## MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL

### KENYATAAN TAWARAN

| No.<br>Sebut harga    | Keterangan                                                                                                                                                                        | Gred/Kategori/<br>Pengkhususan                                                                                                                                                         | Harga<br>Dokumen | Tempat Taklimat                                                                                                                                                                                                                   | Tarikh<br>Tutup<br>Sebut harga |
|-----------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------|
| MPJL/<br>SH/L/02/2025 | CADANGAN<br>PENYELENGGARAAN<br>PERALATAN PERMAINAN<br>KANAK-KANAK DI TAMAN<br>PERUMAHAN DAN TAMAN<br>AWAM SERTA KERJA-KERJA<br>YANG BERKAITAN<br>DENGANNYA DALAM<br>DAERAH JEMPOL | <b>Gred G1</b><br>(Bumiputera)<br><br><b>Kategori</b><br>CE-Pembinaan<br>Kejuruteraan Awam<br><br><b>Pengkhususan</b><br>CE14-Landskap<br><br>CE21-Kerja-kerja Am<br>Kejuruteraan Awam | RM 50.00         | Bahagian Landskap,<br>Majlis Perbandaran<br>Jempol<br><br>Lawatan Tapak :<br>08 Julai 2025<br>(Selasa)<br><br>Masa : 10.00pagi<br><br>Kehadiran wajib,<br>tanpa wakil.<br><br>(Sila bawa bersama<br>Cap Syarikat dan<br>Cap Nama) | 15/07/2025<br>(Selasa)         |

Borang sebut harga boleh disemak dan diperolehi dari Bahagian Landskap Pejabat Majlis Perbandaran Jempol mulai dari **08 Julai 2025 (Selasa) selepas lawatan tapak**. Dokumen sebut harga tidak akan dijual sebelum daripada tarikh di atas dan akan dijual **sehingga 15 Julai 2025 (Selasa)** sahaja.

**Lawatan Tapak** akan diadakan pada **08 Julai 2025 (Selasa)** pada jam **10.00 pagi** dan **penyebut harga perlu hadir sendiri bersama dokumen-dokumen asal**. Penyebut harga yang berminat untuk menyertai sebut harga ini hendaklah berkumpul di perkarangan pejabat **Bahagian Landskap** sebelum jam 9.30 pagi untuk urusan pendaftaran. Pendaftaran di tapak adalah tidak dibenarkan.

Bagi mana-mana penyebut harga yang ingin membuat pembelian borang menggunakan Kebenaran Khas untuk pengkhususan yang tiada di dalam sijil CIDB, hendaklah mendapat kelulusan dari pihak CIDB sebelum tarikh mula penjualan borang atau semasa tarikh lawatan tapak dengan melampirkan kelulusan Kebenaran Khas yang asal kepada pihak Majlis Perbandaran Jempol.

Bayaran harga dokumen boleh dibuat secara **Tunai, Kad Kredit / Debit / QRPay atau Draf Bank** atas nama Majlis Perbandaran Jempol di kaunter Majlis Perbandaran Jempol pada waktu pejabat **(8.30 pagi - 4.00 petang)**. Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan kecuali dengan sebab-sebab yang munasabah.

Borang yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA** di Pejabat Majlis Perbandaran Jempol sebelum pukul **12.00 t/hari** pada **15 Julai 2025 (Selasa)**. Sebarang kelewatan yang timbul tidak akan dilayan.

Majlis Perbandaran Jempol tidak akan terikat menerima tawaran yang terendah atau sebagainya atau memberikan apa-apa sebab sesuatu sebut harga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab di atas segala kos perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini .

#### **SYARAT-SYARAT PEMBELIAN BORANG SEBUT HARGA**

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor tempatan yang berdaftar dengan Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), memiliki Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan boleh menjalankan kerja-kerja di sekitar Daerah Jempol.
2. **Penyebut harga yang hadir dalam lawatan tersebut adalah tidak dibenarkan mewakili syarikat lain walaupun mempunyai surat pengesahan wakil lawatan tapak.**
3. Penyebut harga dikehendaki membawa bersekali sijil-sijil asal SSM, CIDB, PPK dan SPKK semasa lawatan tapak.
4. Penyebut harga dikehendaki berkumpul dan membuat pendaftaran di perkarangan Bahagian Landskap, Majlis Perbandaran Jempol.
5. Syarikat adalah daripada kontraktor bumiputera G1 yang **berdaftar dengan Majlis Perbandaran Jempol pada tahun 2025** dan pendaftaran masih sah atau telah memperbaharui pendaftaran.
6. Pendaftaran untuk menyertai lawatan tapak selepas jam 10.00 pagi tidak akan dilayan kecuali dengan sebab-sebab munasabah.
7. Kontraktor yang baru mendaftar dan memperbaharui pendaftaran pada hari lawatan tapak, tidak dibenarkan untuk menyertai lawatan tapak pada hari tersebut dan tidak dibenarkan untuk membeli borang sebut harga.
8. Kontraktor yang baru mendaftar dan memperbaharui pendaftaran pada hari pembelian borang tidak dibenarkan untuk membeli borang sebut harga.
9. Syarikat tuan juga adalah diingatkan bahawa tidak dibenarkan terlibat dalam pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani.

Tarikh Pengiklanan ;

01 Julai 2025

  
(MOHD NAZRI BIN MULUP)  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Jempol